



## SIARAN MEDIA

### KPKT MEMARTABATKAN INSTITUSI RAJA MELALUI PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR DIRAJA

---

**PUTRAJAYA, 7 JULAI 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan **Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan (GPP) Bandar Diraja**.

GPP yang telah diluluskan di **Mesyuarat Jemaah Menteri** pada 17 Mei 2023 ini bertujuan untuk memelihara identiti Bandar Diraja sebagai lambang kedaulatan negara di samping meningkatkan potensi Bandar Diraja sebagai aset pelancongan negara melalui pemerksaan ekonomi dan budaya setempat. Dokumen ini seterusnya akan dibentangkan di **Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-262** dan akan dijadikan panduan utama kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi - agensi teknikal di dalam merancang dan mengawal pembangunan di kawasan Bandar Diraja atau di kawasan sekitar Istana Diraja.

Terdapat sembilan bandar yang telah dimasyhurkan sebagai Bandar Diraja di Semenanjung Malaysia, iaitu:

- a. Bandar Diraja Arau, Perlis;
- b. Bandar Diraja Anak Bukit, Kedah;
- c. Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak;
- d. Bandar Diraja Klang, Selangor;
- e. Bandar Diraja Seri Menanti, Negeri Sembilan;
- f. Bandar Maharani Bandar Diraja Muar, Johor;
- g. Bandar D'Raja Al-Muhammadi Kubang Kerian, Kelantan;

- h. Bandar Diraja Kuala Terengganu, Terengganu; dan
- i. Bandar Diraja Pekan, Pahang.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, dokumen ini menggariskan panduan dari segi kawalan intensiti pembangunan di kawasan Bandar Diraja, penyediaan komponen utama dan sokongan Bandar Diraja seperti Galeri, Muzium, Dataran dan Arca Diraja, serta penerapan seni bina bangunan dan landskap yang bersesuaian dengan identiti Bandar Diraja.

Pelaksanaan tata kelola perancangan dan pembangunan ini telah melalui proses libat urus dengan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kerja Raya, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Negeri serta PBT bagi sembilan Bandar Diraja yang telah dikenal pasti. Bagi tujuan pelaksanaan, dokumen ini akan diterjemahkan ke dalam Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Tindakan Khas yang disediakan di semua Bandar Diraja.

Bandar Diraja adalah aset warisan yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang memandangkan ia menyingkap sejarah peradaban dan budaya kesultanan Raja- Raja Melayu di negara ini. KPKT akan terus komited memastikan GPP ini diterimapakai dan memberi manfaat kepada semua pihak dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

